

Newspaper	Sinar Harian
Date	6 June 2015

'Saya bukan bawa senjata pun...'

Sinar Harian - 6/6/2015

Dialog PM
bersama NGO



Dr Mahathir ketika sidang media selepas dihalang berucap pada program Dialog PM Bersama NGO di PWTC, semalam.

KUALA LUMPUR – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, mengapa beliau dihalang untuk berucap selepas perdana menteri tidak hadir ke Dialog PM Bersama NGO: 'Nothing To Hide di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

"Saya orang biasa saja, saya bukan bawa senjata pun. Saya bukan boleh buat apa-apa pun. Pasal apa orang nak takut pada saya, semua ini takut atau tidak?"

"Saya patuh kepada undang-undang, tetapi saya minta izin supaya saya dapat bercakap dengan media sahaja!" katanya pada sidang media selepas dihalang polis untuk bercakap pada program tersebut.

Dialog Nothing To Hide sepatumya berlangsung pada semalam, namun dibatalkan selepas arahan daripada Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar supaya program itu dibatalkan dan Najib tidak hadir atas alasan keselamatan.

Sejurus selepas pengumuman pembatalan acara tersebut, ia mencetuskan keadaan tegang kepada lebih 1500 peserta yang kebanyakan terdiri daripada ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO). •

Keadaan mula reda selepas

bekas perdana menteri itu mula mengambil alih pentas untuk tierucap tetapi kemudiannya kembali tegang apabila polis meminta Dr Mahathir turun daripentas.

Dr Mahathir berkata, beliau meminta izin kepada

penganjur agar diberi peluang bercakap selama satu jam seperti mana yang diberikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Saya datang sini untuk menyelesaikan masalah IMDB kerana ini adalah perkara me-

libatkan kewangan rakyat yang telah hilang dengan tidak diketahui mana perginya.

"Sebab itu saya datang dan minta izin supaya saya juga diberi peluang sama dengan Datuk Seri Najib. Kalau dia dapat satu jam, saya juga

minta satu jam, kalau dia nak jawab soalan, saya juga nak jawab soalan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Najib mensia-siakan peluang untuk memenangi sokongan dan kepercayaan rakyat buat dirinya dengan menjelaskan

skandal yang terpalit dalam pentadbirannya.

Menurut Dr Mahathir, beliau terpaksa bersikap lantang kerana ramai pihak datang kepadanya mengadu mengenai kebimbangan mereka tentang pentadbiran hari ini.

"Isu IMDB antara yang tidak boleh disembunyikan lagi dan perlu ada jawapan yang wajar diterima rakyat," katanya.

Apabila ditanya mengenai ketidakhadiran Najib, Dr Mahathir berkata, kemungkinan perdana menteri terlalu sibuk dengan urusan rasminya.

"Saya fikir mungkin beliau (Najib) sibuk, dia mesti sibuk saya rasa, mungkin ada urusan rasmi yang lebih penting daripada berjumpa dengan orangT," katanya.

Belas perdana menteri itu dengan nada bergurau berkata, beliau diminta berhenti berucap kerana hadirin terlalu bisu ketika ditanya reaksinya mengenai tindakan polis.

"Polis datang lecepada saya semasa saya berucap dan minta saya berhenti. Jadi saya berhenti sebab saya rakyat yang akur dengan perintah.

"Tapi saya minta izin supaya saya dapat bercakap dengan media sahaja," katanya.